

# 'PARTI FAHAM KOMINIS TAK BOLEH DITUBUH DI MALAYSIA'

**KANGAR, Selasa.** — Timbalan Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamed menegaskan hari ini bahawa Kerajaan tidak akan membenarkan sebarang parti politik yang berpegang kepada fahaman komunis ditubuhkan di negara ini.

Katanya, walaupun rakyat bebas membentuk parti politik tetapi parti komunis telah diharamkan sejak sebelum merdeka lagi. Pengharaman parti komunis bukan semata-mata kerana percubaan merebut kuasa secara bersenjata tetapi kerana fahaman itu dianggap bertentangan dengan kehendak dan kepercayaan orang-orang Malaysia.

Parti yang berasaskan kepada ideologi lain seperti sosialisma tidak diharamkan asalkan mereka tidak terlibat dengan gerakan komunis atau percubaan merampas kuasa dengan senjata, katanya.

"Sebab itu parti yang berideologi sosialis telah wujud sejak merdeka dan tidak diharamkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Malaysia kerana ideologinya," katanya ketika berucap kepada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional Negeri Perlis di Kompleks Pelbagaiguna di sini.

Walaupun UMNO dan Kerajaan tidak mempunyai ideologi yang tertentu tetapi parti itu dan Kerajaan tidak pernah menerima sosialisma sebagai ideologi bagi parti atau negara.

## Pendirian

Menurut Dr. Mahathir pendirian politik Kerajaan dan UMNO adalah berasaskan kepada kebangsaan, keagamaan dan kebaikan masyarakat.

Katanya, umumnya UMNO dan Kerajaan berpegang kepada sistem "free enterprise" yang terkawal dalam mana rakyat bebas berniaga dan mencari kekayaan dan di samping itu UMNO dan Kerajaan juga menerima konsep perusahaan negara.

Sejak merdeka perusahaan ketapi, pelabuhan, pos dan talikom, radio dan talivisyen, penerangan dan letrik merupakan perusahaan negara.

Kemudian ditambah pula berbagai jenis perniagaan miliknegara seperti FELDA, PKEN-PKEN, syarikat-syarikat anjuran MARA, FAMA, FIMA, PERNAS, PETRONAS dan lain-lain lagi yang terlalu banyak untuk dihitungkan, tambahna.

Beliau menerangkan syarikat-syarikat kerjasama juga ditubuh untuk menentukan kapitalis tidak menguasai semua perniagaan dan perusahaan. Kerajaan dengan tegas menyokong koperasi-koperasi dan membantunya secara langsung.

Beliau menegaskan, "perusahaan dan perniagaan yang dimilikinegara dan syarikat-syarikat kerjasama adalah cara yang dibentuk oleh sosialis dan juga komunis.

"Tetapi ini tidaklah bermakna bahawa Kerajaan-kerajaan Malaysia dan Malaysia sejak tahun 1957 sehingga sekarang adalah dipengaruhi oleh sosialis atau komunis," tambahna.

"Sepertimana penruan sistem demokrasi, tidak bermakna bahawa kita sudah menjadi negara Kristian, begitu juga penggunaan cara yang digubah oleh sosialis dan komunis tidak menjadikan kita sosialis atau komunis," tegasnya lagi.

"Kita mengadakan perusahaan dan perniagaan negara kerana kepentingan kebangsaan dan keagamaan."

Tetapi sistem "free enterprise" tanpa had adalah sistem kapitalis totok yang memberi kekayaan cuma kepada beberapa kerat manusia yang bernasib baik sahaja.

Mereka ini hidup mewah dan memiliki harta dan kekayaan kerana kecekapan berniaga, kerana berpengaruh dan kerana sikap

yang tidak sopan.

Beliau berkata, bagi kebanyakan rakyat sistem "free enterprise" yang tidak dihadkan bermakna penindasan dan kemiskinan kerana mereka tidak akan mendapat daerah sama sekali.

"Di negara ini free enterprise, adalah dikawal dan tidak menyeluruh," tegasnya.

## Dimiliki

Dr. Mahathir menerangkan tujuan kerajaan mengadakan "perusahaan awam" ialah supaya sebahagian dari kekayaan dapat dimiliki oleh Kerajaan sebagai pemegang amanah bagi rakyat.

Ini tidak bermakna, bahawa Kerajaan atau UMNO telah didorong oleh fahaman sosialisma tetapi adalah kerana perasaan kemanusiaan dan pegangan kepada keadilan.

Dari segi perhubungan antarabangsa pula, Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mengikat diri secara langsung dengan mana-mana blok.

Tegasnya, "perhubungan dengan negara komunis tidak bermakna bahawa Malaysia telah menerima fahaman komunis, seperti mana perhubungan dengan negara kapitalis juga tidak bermakna kita menerima kapitalis sebagai sistem atau ideologi kita."

"Dasar kita ialah masing-masing negara berhak mengamalkan sistemnya sendiri dan tidak siapapun berhak campurtangan dalam hal ehwal dalam negara lain."